

**Pengumuman Y.B. Menteri Perdagangan Dalam Negeri
Dan Hal Ehwal Pengguna
Mengenai
Syarikat-Syarikat Yang Tidak Beroperasi Atau Tidak Menjalankan
Perniagaan (*Dormant Company*)**

Tujuan Pengumuman

Tujuan pengumuman ini adalah untuk memberi peluang bagi syarikat-syarikat yang tidak beroperasi atau tidak menjalankan perniagaan sama ada yang telah dikenakan kompaun atau tidak di atas kegagalan menyerahkan simpan (*lodge*) Penyata Tahunan dan Akaun, tampil ke hadapan untuk membuat permohonan pembatalan nama syarikat tersebut dari daftar Suruhanjaya Syarikat Malaysia menurut Seksyen 308 Akta Syarikat 1965 (Akta 125).

Latar Belakang

2. Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bertanggungjawab mendaftarkan pemerbadanan syarikat tempatan dan asing. SSM juga berfungsi sebagai agensi yang menjaga dan menyimpan rekod berkanun korporat (*custodian of corporate records*) di mana maklumat yang diserahkan simpan memaparkan keadaan sebenar sesuatu syarikat. SSM juga menyediakan maklumat tersebut kepada orang awam dengan bayaran yang ditetapkan.

3. Maklumat yang dinyatakan dalam penyata tahunan dan penyata kewangan adalah sangat bernilai dalam membantu seseorang atau mana-mana organisasi membuat keputusan perdagangan yang tepat dalam pelbagai

transaksi perniagaan, atau sebelum mana-mana kontrak yang bakal dimeterai. SSM perlu memastikan kesemua syarikat menyerahkan simpan dokumen mengikut kehendak Akta agar hanya maklumat korporat yang terkini dan betul dibekalkan kepada pihak awam.

Tahap Pematuhan (*Compliance Rate*)

4. Tahap pematuhan diukur melalui pematuhan syarikat menyerahkan simpan Penyata Tahunan seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 165 Akta 125. Hasil dari usaha penguatkuasaan SSM yang bersungguh-sungguh telah berjaya meningkatkan kadar pematuhan dari setahun ke setahun iaitu, daripada 44% pada Disember 2003, kepada 64% pada Disember 2004, dan kepada 71% pada Disember 2005.

5. Walaupun tahap pematuhan terus meningkat sehingga 71% pada tahun 2005, Kerajaan amat prihatin terhadap 29% lagi baki syarikat yang masih gagal melaksanakan tanggungjawab untuk menyerahkan simpan Penyata Tahunan mereka ke Pejabat SSM.

6. Pelbagai inisiatif telah dan akan terus dilaksanakan oleh SSM bagi memastikan peningkatan tahap pematuhan, antaranya melalui pemotongan (*striking-off*) nama-nama syarikat oleh Pendaftar di bawah Seksyen 308 Akta 125 atas dasar bahawa syarikat-syarikat tersebut tidak beroperasi atau tidak menjalankan perniagaan. Melalui usaha ini, sejak tahun 2004 hingga September 2006 sejumlah 16,240 syarikat telah dipotong dari daftar SSM.

7. Setakat 30 September 2006, dari jumlah 748,221 syarikat yang telah diperbadankan di negara ini, kira-kira 235,147 syarikat telah dikenal pasti tidak/belum berkewajipan menyerahkan penyata tahunan kepada SSM. Syarikat-

syarikat tersebut termasuklah syarikat-syarikat yang dibubarkan, dalam proses pembubaran dan juga syarikat-syarikat baru yang belum mencapai tempoh 18 bulan pertama yang mewajibkan penyerah-simpanan Penyata Tahunan. Oleh yang demikian, dari jumlah tersebut, sebanyak 513,074 syarikat telah dikenal pasti bertanggung jawab menyerah simpan Penyata Tahunan ke Pejabat SSM di bawah Seksyen 165 bagi tahun 2006 ini.

Pengumuman

8. Untuk merealisasikan peningkatan kadar pematuhan bagi tahun 2006, adalah dengan ini diumumkan, khusus kepada syarikat-syarikat yang masih gagal menyerah simpan Penyata Tahunan mereka ke pejabat SSM untuk selama tiga (3) tahun berturut-turut atau lebih, bahawa syarikat mereka diberi tempoh **3 bulan dari tarikh hari ini iaitu 10 Oktober 2006 supaya tampil ke hadapan untuk membuat permohonan pembatalan nama syarikat tersebut dari daftar Suruhanjaya Syarikat Malaysia jika syarikat mereka tidak lagi beroperasi atau tidak menjalankan perniagaan sama ada yang telah dikenakan kompaun atau tidak agar Pendaftar mempertimbangkan pemotongan nama syarikat berkenaan dari daftar SSM** di bawah Seksyen 308 Akta 125.

9. Selepas tempoh 3 bulan tersebut, SSM akan mengambil tindakan terhadap semua syarikat yang masih lagi gagal menyerah simpan Penyata Tahunan mereka menurut peruntukan Undang-Undang yang sedia ada.

Syarat-Syarat Permohonan

10. Syarikat-syarikat berkenaan perlu membuat permohonan dan menyerahkannya ke Pejabat SSM dalam tempoh 3 bulan mulai 10 Oktober 2006

hingga 9 Januari 2007 bersama dengan yuran permohonan sebanyak RM120 menurut item 33 Jadual 2 Akta 125. Permohonan hendaklah dibuat secara bertulis dan dialamatkan kepada Seksyen Insolvensi Jabatan Perkhidmatan Syarikat Dan Perniagaan, Putra Place, 100 Jalan Putra Kuala Lumpur. Sebarang permohonan yang diserahkan di luar tempoh yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan. Syarikat-syarikat yang memohon hendaklah menyertakan Akaun Pernyataan seperti yang dilampirkan.

11. Ingin juga dimaklumkan di sini, dalam keadaan biasa prosedur pemotongan nama syarikat ini perlu melalui proses seperti mana yang telah diperuntukkan di bawah Garis panduan sedia ada. Garis panduan tersebut memperuntukkan syarat-syarat yang perlu dipatuhi agar Pendaftar dapat membuat keputusan sama ada untuk memotong nama syarikat tersebut atau tidak. Untuk memantapkan lagi prosedur pemotongan nama syarikat di bawah Seksyen 308, SSM pada ketika ini sedang dalam peringkat akhir penyediaan garis panduan baru dan akan mengumumkannya dalam masa terdekat ini.

12. Justeru itu, syarikat-syarikat yang berkenaan dinasihatkan mengambil peluang dalam tempoh yang diumumkan tersebut **yang akan berakhir pada 9 Januari 2007** agar membuat permohonan yang berkaitan secepat mungkin.

Kesimpulan

13. Tindakan membatalkan syarikat-syarikat yang tidak beroperasi atau tidak menjalankan perniagaan dapat menzahirkan hanya syarikat yang aktif sahaja terdapat dalam daftar rekod SSM.

14. Saya berharap dengan usaha sebegini akan dapat melahirkan kesedaran khasnya di kalangan para pengarah tentang peri pentingnya penyerah simpanan Penyata Tahunan dan Penyata Kewangan diaudit yang merupakan kayu

pengukur tahap pematuhan sektor korporat yang berintegriti dan beretika di Negara ini.

Datuk Hj. Mohd. Shafie bin Hj. Apdal

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

10 Oktober 2006

LAMPIRAN 1

AKUAN PERNYATAAN PEMOHON
Permohonan Untuk Memotong Nama Syarikat Yang Tidak Beroperasi Atau
Tidak Menjalankan Perniagaan Dari Daftar
(Seksyen 308(1) Akta Syarikat 1965)

Saya,(No. K/P :)
yang beralamat di
dengan ini menyatakan seperti berikut:

- (a) Saya adalah salah seorang dari Pengarah
(nama syarikat);
- (b) (Nama syarikat) telah *tidak menjalankan
perniagaan / tidak beroperasi sejak;
- (c) Syarikat ini tidak mempunyai aset dan liabiliti termasuk apa-apa
gadaian yang tertunggak di dalam Daftar Gadaian yang disimpan di
pejabat Pendaftar Syarikat;
- (d) Syarikat ini tidak mempunyai wang yang cukup untuk membayar
kos pengkulungan syarikat;
- (e) Syarikat ini *tidak mempunyai penalti atau kompaun yang
tertunggak / mempunyai penalti atau kompaun yang tertunggak di
bawah Akta Syarikat 1965 dan memohon agar Pendaftar Syarikat
mempertimbangkan untuk mengenyepikannya / mengurangkannya
kepada RM ;

- (f) Syarikat ini tidak mempunyai cukai atau lain-lain liabiliti yang tertunggak dan tidak berhutang dengan mana-mana Jabatan / Agensi Kerajaan;
- (g) Maklumat syarikat sebagaimana yang dinyatakan di dalam “*print-out*” dari pejabat Pendaftar Syarikat adalah benar dan terkini seperti yang dilampirkan;
- (h) Syarikat ini tidak terbabit dalam apa-apa tindakan undang-undang sama ada di dalam atau di luar Malaysia;
- (i) Syarikat ini bukan merupakan syarikat induk atau anak syarikat kepada perbadanan yang lain;
- (j) Syarikat ini bukan merupakan “Perbadanan Penggerenti” (*Guarantor Corporation*);
- (k) Rekod statutori syarikat ini boleh diperiksa di pejabat berdaftarnya di
.....
(nyatakan alamat).

Saya yang bertandatangan di bawah ini mengesahkan bahawa segala maklumat yang dinyatakan di atas adalah benar.

Tarikh :

Tandatangan Pemohon

*Potong mana yang tidak berkenaan